

29/05/2000

YAM mahu bina pusat sumber

RAUB, Ahad - Penubuhan Pusat Sumber HIV/Aids di sini yang pertama di luar Lembah Klang akan menjadi perintis kepada usaha Yayasan Aids Malaysia (YAM) membuka lebih banyak pusat seumpama itu di beberapa daerah lain di seluruh negara.

Pengerusi YAM, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata pihaknya mempunyai perancangan untuk membuka pusat sumber di tempat lain, jika ia mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

"Ini adalah pertama kali kita memberi sumbangan seperti ini kepada masyarakat di luar Lembah Klang kerana biasanya sumbangan kita salurkan melalui pertubuhan bukan kerajaan," katanya selepas majlis pelancaran Hari Memperingati Aids Sedunia 2000 di sini, hari ini.

Pada majlis itu, beliau yang juga Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM) menyampaikan sumbangan YAM berjumlah RM50,000 bagi tujuan mendirikan sebuah Pusat Sumber HIV/Aids di Raub.

Beliau berharap penubuhan pusat sumber itu akan menggalakkan pelajar dan guru membuat rujukan tambahan mengenai HIV/Aids serta mempelajari perkara baru mengenainya.

(END)